



GEMBIRA... Najib Tun Razak tersenyum melihat gelagat kanak-kanak kenit, Muhd. Zull Hanif menggunakan kerusi separuh automatik sambil diperhatikan bapanya (dari kiri), Abdul Halim Sulaiman, Prof. Dr. Mohamed Said Mat Lela dan Prof. Madya Dr. Rosli Abu Bakar semasa majlis penyerahan kerusi ZUMP di kediaman Timbalan Perdana Menteri di Pekan, Pahang, semalam.

— Gambar GHAZALI BASRI

Kerusi baru naikkan semangat kanak-kanak kenit ke sekolah

Oleh AIZAWATI AHMAD dan SHAMSIAH ZULKAFLI

Muhd. Zull tidak sabar hendak mencuba kerusi tersebut sehingga tidak dapat melepakkan matanya

PEKAN 10 Feb. — “Ayah, abang tak sabar nak ke sekolah, nak guna kerusi ini... abang bersemangat lepas cuba kerusi ini.”

Itulah luahan kanak-kanak kenit, Muhd. Zull Hanif Abd. Halim, 7, ketika mencuba kerusi separuh automatik rekaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sambil disaksikan Datuk Seri Najib Tun Razak di kediaman Timbalan Perdana Menteri di sini hari ini.

Menurut bapanya, Abdul Halim Sulaiman, 30, anak keduanya itu tidak sabar hendak mencuba kerusi tersebut sehingga tidak dapat melepakkan matanya kerana terluar teruja apabila dimaklumkan kerusi yang direka khas untuknya telah siap.

Malah, katanya, Zull Hanif ter-

nyata bersemangat untuk memulakan persekolahannya dengan menggunakan kerusi baru itu apabila dia turut menceritakan kepada rakan-rakan sekelasnya mengenai kerusi tersebut.

“Sejak pulang dari UMP semalam, Zull Hanif tidak henti-henti bercerita pengalamannya sewaktu pertama kali mencuba kerusi itu di makmal UMP,” katanya selepas majlis penyerahan kerusi itu oleh Timbalan Perdana Menteri.

Yang menariknya ialah UMP menamakan kerusi itu ‘ZUMP’ hasil gabungan huruf pangkal nama Zull Hanif, UMP dan *Utusan Malaysia*.

Zull Hanif dilihat sudah mula dapat menyesuaikan diri dengan kerusi barunya dan tidak menghadapi masalah ketika disuruh mengendalikannya kerusi tersebut, malah turut mencuba berulang kali.

Kisah Zull Hanif, murid tahun satu Sekolah Kebangsaan Sinar Mutiara, Sungai Miang, di sini mula mendapat liputan meluas setelah laporan mengenainya disiarkan *Utusan Malaysia* pada awal Januari lalu.

Ketinggiannya yang hanya 72 sentimeter dengan berat badan 7.5 kilogram membuatkan Zull Hanif kelihatan seperti kanak-kanak berusia dua tahun dan jauh

berbeza dengan rakan-rakan se-usianya.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela berkata, “*Utusan Malaysia* telah bertindak sebagai penggerak kepada projek khidmat masyarakat UMP ini”.

Beliau berkata, pembinaan kerusi yang beroperasi menggunakan pacuan tenaga elektrik itu dibuat dalam masa kurang sebulan dengan anggaran kasar bernilai RM12,000.

Jelasnya, penciptaan kerusi itu telah disesuaikan dengan mengambil kira ketinggian serta saiz badan Zull Hanif dan turut dilengkapi bahagian duduk boleh laras serta rak buku di kiri dan kanan tempat duduk.

“Ia juga mudah dikendalikan dengan hanya menekan butang di bawah bahagian rehat tangan,” ujarnya.

— Bapa